

28 DEC 1998

MAHATHIR-RUMAH

MAHATHIR NAFI HARTANAH RM80 BLN TIDAK TERJUAL

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan bahawa jumlah hartanah yang belum dijual adalah sebanyak RM80 billion.

Laporan semalam yang menyatakan sebanyak RM80 bilion hartanah belum dijual mungkin merangkumi projek-projek yang belum dimulakan, katanya kepada pemberita selepas pelancaran pameran hartanah sempena Kempen Pemilikan Rumah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir menekankan bahawa Malaysia sepatutnya memberikan tumpuan kepada projek yang sudah siap dan separuh siap. Nilai hartanah yang tidak terjual mungkin dalam lingkungan RM5 billion, katanya.

Beliau juga berkata kempen pemilikan rumah dimulakan pada 12 Disember tidak akan dilanjutkan selepas ianya tamat pada 12 Jan, 1999 kerana tempoh berkenaan sudah memadai.

Mengenai angka terbaru jualan hasil daripada kempen ini, beliau berkata angka RM1 billion seperti dilaporkan pada minggu pertama kempen itu adalah tidak mustahil kerana kempen itu dijalankan di seluruh negara.

"Nilai satu rumah itu tinggi jadi RM1 bilion bermakna rumah yang dijual tidaklah besar sangat," tambahnya.

Mengenai pembelian oleh orang asing, beliau berkata kebanyakan tumpuan mereka ialah di Johor.

Dr Mahathir juga berkata tumpuan kempen pemilikan rumah adalah terhadap projek yang telah siap. Seterusnya, ia akan membantu projek yang belum mula dan secara tidak langsung dapat menggerakkan industri pembinaan.

Beliau juga berkata sambutan orangramai kepada pameran yang diadakan sempena kempen pemilikan rumah yang di adakan di PWTC ini adalah amat menggalakkan. Pada hari pertamanya, ia telah menarik seramai 50,000 orang pelawat.

Sementara itu, para pemaju menyatakan keyakinan mereka dalam melancarkan produk-produk baru tahun depan berikutan sambutan jualan rumah yang menggalakkan semasa Kempen Pemilikan Rumah ini.

Presiden Persatuan Pemaju Perumahan Eddy Chan berkata rumah yang berharga lebih RM150,000 iaitu di sekitar RM250,000 masih dalam permintaan terutamanya di lokasi-lokasi yang baik di Lembah Klang.

Bagaimanapun, beliau menjangkakan harga tidak akan meningkat dengan ketara tahun depan. Para pemaju, seperti juga pembeli, berhati-hati apabila meletakkan harga pada produk-produk mereka, katanya.

Chan berkata setiap pemaju telah menyaksikan pertumbuhan jualan yang rancak antara 300 dan 400 peratus semasa kempen ini diadakan.

Selalunya, jualan agak lembab menjelang akhir tahun tetapi dengan kempen ini, jualan kini baik, katanya. -- BERNAMA

TEAM JR